

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 / 2021**  
**DIBAWAH KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
<b>KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI</b>				
<b>JABATAN DAERAH BRUNEI MUARA</b>				
1	Menubuhkan Jawatankuasa TPOR	Struktur Organisasi	Mengemaskini TPOR setiap Bahagian bagi penambahbaikan perkhidmatan Bahagian masing-masing.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jawatankuasa TPOR belum ditubuhkan sebelumnya;</li> <li>• Untuk setiap bahagian dapat merebu semula perkhidmatan yang terdapat dalam 'core business' masing-masing;</li> <li>• Untuk diadakan mesyuarat sekurangnya 3 bulan sekali.</li> </ul>
<b>JABATAN DAERAH BELAIT</b>				
2	Pengurusan Penyewaan dan Penggunaan Dewan Kemasyarakatan dan Dewan Serbaguna di bawah kawalan Jabatan Daerah Belait	Struktur Organisasi	Untuk penambahbaikan dalam mengawal penggunaan / peminjaman dan penyewaan Dewan Kemasyarakatan dan Dewan Serbaguna bagi mengelakkan pembaziran dan penyelewengan selaras dengan peraturan-peraturan kewangan yang telah ditetapkan.	<p>Pengemaskinian proses permohonan peminjaman dewan kemasyarakatan dan dewan serbaguna di bawah kawalan jabatan daerah belait melalui penggunaan borang-borang seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Borang permohonan peminjaman dewan kemasyarakatan dan serbaguna</li> <li>2. Syarat – syarat penyewaan dan penggunaan dewan kemasyarakatan dan dewan serbaguna kawalan jabatan Daerah Belait</li> <li>3. Langkah – langkah pengawalan wabak covid – 19 bagi penggunaan dewan – dewan kemasyarakatan dan dewan – dewan serbaguna di bawah kawalan jabatan daerah belait.</li> </ol>
3	Mengemaskini Proses Pengeluaran Barang-Barang / Stor di Unit Bengkel	Struktur Organisasi	Untuk penambahbaikan dalam mengawal pengeluaran dan penggunaan / peminjaman barang-barang dan kelengkapan kerja-kerja pembersihan seperti mesin rumput, mesin blower dan sebagainya bagi mengelakkan pembaziran dan penyelewengan selaras dengan peraturan-peraturan kewangan yang telah ditetapkan.	<p>Pengemaskinian proses pengeluaran dan peminjaman barang-barang stor di unit bengkel melalui penggunaan borang seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Borang pengeluaran barang bagi stor unit bengkel.</li> </ol>
<b>JABATAN DAERAH TUTONG</b>				
4	Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Sumber Tenaga Manusia (JPSTM) Jabatan Daerah Tutong	Struktur Organisasi	Memastikan pengurusan dan tindakan mengenai sumber tenaga manusia di Jabatan Daerah Tutong adalah selaras dan lebih berkesan, dibawah kelolaan satu pusat.	Jawatankuasa Pengurusan Sumber Tenaga Manusia (JPSTM) Jabatan Daerah Tutong ditubuhkan untuk menyelaras dan memperkesan pengurusan sumber tenaga manusia di bawah kelolaan satu pusat. Terma rujukan jawatankuasa tersebut adalah dikelilingkan kepada ahli - ahli untuk menjadi rujukan masing - masing dan memastikan tindakan - tindakan adalah selaras. Antara agenda yang dibincangkan adalah termasuk hal ehwal pentadbiran seperti pertimbangan tindakan tatatertib, job rotation pegawai dan kakitangan, penelitian proses-proses kerja penilaian calon APCPA, bintang - bintang dan pingat - pingat kehormatan, penilaian pegawai / kakitangan bagi rancangan penggantian, hal ehwal pembangunan kapasiti dan hal ehwal personnel yang berkenaan.
5	Tamu Mingguan 1K1P	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meningkatkan pasaran dan kebolehpasaran (marketability) produk Satu Kampung Satu Produk (1K1P) terutama sekali di dalam pasaran domestik;</li> <li>• Mempelbagaikan kaedah pemasaran yang sedia ada melalui pendekatan conceptual</li> </ul>	Tamu mingguan Kompleks Pasaraneka dan Tamu Tutong adalah antara destinasi paling popular di kalangan penduduk tempatan. Dicatatkan lebih 270 penjaja menjual pelbagai jenis barang harian yang mana mampu menarik ramai pengunjung pada setiap ianya

SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 / 2021 DIBAWAH KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI				
	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
			<p>business environment iaitu suasana pemasaran berkonsepkan tamu mingguan yang menarik ramai pengunjung bagi memastikan permintaan pasaran (<i>market demand</i>) produk berkenaan berterusan dan konsisten;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mewujudkan hub rangkaian perniagaan 1K1P (<i>1K1P business networking hub</i>) sebagai platform ke arah memperluaskan peluang - peluang perniagaan yang mampu menyumbang kepada perkembangan kemajuan Produk 1K1P atau <i>1K1P Product Progress Development</i> yang lebih kondusif dan efektif.</li> </ul>	<p>beroperasi. Strategi mengadakan Tamu mingguan 1K1P adalah merupakan strategi ke arah memperluaskan pemasaran produk berkenaan terutama sekali di dalam pasaran domestik. Sekaligus dapat membuka peluang - peluang baru bagi mewujudkan hub rangkaian perniagaan (<i>business networking hub</i>) kepada para pengusaha produk Satu Kampung Satu Produk (1K1P) agar terus konsisten dan sustainable.</p> <p>Tamu mingguan 1K1P dihasratkan dapat menambah nilai kepelbagaiannya aktiviti perniagaan di Kompleks Pasaraneka dan Tamu Tutong serta mampu meningkatkan jumlah keramaian pengunjung. Tamu ini juga boleh dilihat sebagai serampang dua mata ke arah Kemajuan Daerah Tutong yang memberikan kesan yang positif bagi merancakkan aktiviti ekonomi di dalam semua sektor yang berkaitan seperti pelancongan dan sebagainya.</p>
6	Program Kebeliaan 3K (Kepimpinan, Kemasyarakatan dan Keusahawanan) Majlis Perundingan Kampung Daerah Tutong	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melahirkan belia- belia yang <i>reliable</i>, berkaliber dan cemerlang dalam kepimpinan MPK;</li> <li>• Memberi pendedahan kepada Belia MPK dengan projek sebenar (<i>real live project</i>) ke arah meningkatkan kapasiti diri dalam membuat keputusan, merancang dan melaksana bagi mewujudkan mekanisme terbaik, berdaya maju, berinovasi, kreatif, <i>sustainable</i> dan <i>marketable</i> ke arah menyumbang kepada kemajuan sosioekonomi masyarakat kampung;</li> <li>• Kearah mendokong Wawasan Brunei 2035;</li> <li>• Memantapkan MPK ke arah melaksanakan visi dan misinya kepada masyarakat dan kemajuan kampung;</li> <li>• Sebagai kesinambungan dan merealisasikan harapan belia melalui Resolusi Konvensyen Belia MPK 2020 yang telah dianjurkan pada 26 Februari 2020.</li> </ul>	<p>Program Kebeliaan 3K adalah wadah ke arah menyediakan platform kepada belia bagi melahirkan kumpulan belia sebagai <i>principal</i> dan penggerak aktiviti serta kegiatan Majlis Perundingan Kampung (MPK) yang menjurus kepada 3 aspek, kepimpinan, kemasyarakatan dan keusahawanan yang mampu menyumbang kepada kemajuan yang progresif dan sustainable di peringkat kampung.</p> <p>Ianya berkait rapat dengan dasar pembangunan belia negara ke arah melahirkan belia - belia yang berdikari, proaktif dan berdaya maju. Dalam perspektif MPK, belia merupakan antara komponen utama bagi melengkapkan jentera pentadbiran MPK yang lebih komprehensif dan mantap ke arah mengimbangi kemajuan semasa.</p> <p>Ianya juga akan melibatkan penyertaan belia - belia MPK Daerah Tutong melalui pelaksanaan projek sebenar (<i>real live project</i>) yang mana misi dan visinya memberi keutamaan kepada meningkatkan sosioekonomi masyarakat kampung. Dalam masa yang sama dapat membantu meningkatkan kapasiti diri para belia melalui <i>hands on</i> aktiviti yang lebih mencabar.</p>
7	Konvensyen Belia MPK 2020 Daerah Tutong	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melahirkan pemimpin di kalangan belia yang berdedikasi dan berkaliber bagi meneraju kepimpinan MPK dengan corak pemikiran generasi muda yang lebih kreatif dan relevan;</li> <li>• Memperkasakan kepimpinan MPK ke arah yang <i>sustainable</i>, lebih maju dan progresif di dalam melaksanakan fungsi dan peranannya</li> </ul>	Dianjurkan bersempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke - 36 Tahun 2020, ianya bertemakan Pemimpin Belia MPK di Masa Depan. Inisiatif ini juga memfokuskan kepada peluang - peluang dalam MPK yang boleh diteroka oleh golongan belia sebagai bakal pemimpin akar umbi.

SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 / 2021 DIBAWAH KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI				
	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
			<p>kepada negara dan masyarakat;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Merapatkan jalinan kerjasama (networking) golongan belia dengan pemimpin dan ahli - ahli MPK bagi mewujudkan agen - agen kemajuan melalui landasan yang sama dan bersaing secara sihat.</li> </ul>	<p>Penglibatan Belia adalah sangat penting sebagai penggerak bagi memacu idea dan pandangan yang lebih berasa dan kreatif ke arah mentransformasikan kepimpinan MPK di masa hadapan. Bagi merealisasikan inisiatif ini, golongan belia perlu diberikan peluang dan ruang untuk memahami kewujudan, fungsi dan peranan MPK terutama sekali ke arah mendukung dan menjayakan Wawasan Brunei 2035.</p> <p>Konvensyen Belia MPK 2020 memberikan fokus kepada 3 teras utama sebagai "future roofing" kepada MPK, iaitu kepimpinan, kemajuan dan kesejahteraan dan sosio - ekonomi masyarakat. Para peserta akan berpeluang untuk menimba ilmu terutama sekali di dalam menyuntik semangat untuk bergiat aktif di dalam MPK.</p>
<b>JABATAN BURUH</b>				
8	Pelaksanaan Pemeriksaan Sebelum Kebenaran LPA (Pre - Inspection ) bagi Kegiatan Pemborong & Kedai Runcit Serta Sektor Permakanan (Restoran)	Struktur Organisasi	Menyelaras bersama pegawai pemeriksa dan cawangan supaya lebih teratur.	Sebelum ini pemeriksaan sebelum kebenaran LPA (Pre - Inspection ) hanya dijalankan bagi kegiatan pembinaan sahaja. Berikut itu, Pre - Inspection akan dijalankan kepada premis / syarikat yang telah menghadapkan permohonan LPA, sebelum LPA diluluskan khusus bagi pembinaan dan borong dan runcit.
9	Pelaksanaan Denda Kompaun, Perintah Pekerjaan 2009 (Penambahbaikan Denda Kompaun Bagi Lesen Pekerja Asing)	Dasar	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Memastikan semua majikan mematuhi undang - undang di bawah Perintah Pekerjaan 2009;</li> <li>● Menjaga kesejahteraan dan perlindungan kepada pekerja dan juga supaya pihak majikan lebih bertanggungjawab terhadap pekerja yang digaji dan dijamin.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Pelaksanaan denda kompaun bagi kesalahan - kesalahan dibawah Perintah Pekerjaan 2009 telah mula dilaksanakan pada 15 Oktober 2020 sepetimana kehendak Bab 147, Perintah Pekerjaan 2009;</li> <li>● Tujuan utama bagi denda kompaun ini adalah:-            a) Menjaga kesejahteraan dan perlindungan kepada pekerja samada ianya pekerja tempatan mahupun pekerja asing dan juga supaya pihak majikan lebih bertanggungjawab terhadap pekerja yang digaji dan dijamin            b) Menyelesaikan kes - kes kesalahan buruh yang dikira kecil dan juga penyelesaian kes - kes dapat diselesaikan dengan lebih mudah, ringkas, bersistematis serta jimat masa dan tenaga berbanding dengan proses pendakwaan di Mahkamah.</li> <li>● Kadar kompaun bagi setiap kesalahan itu suatu jumlah wang yang tidak melebihi dari \$1,000.00;</li> <li>● Pesuruhjaya Buruh atau Timbalan Pesuruhjaya Buruh boleh mengkompaun sebarang kesalahan terhadap Perintah Pekerjaan 2009;</li> <li>● Untuk penambahbaikan denda kompaun ini, Jabatan Buruh telah meningkatkan usahanya dengan mengkompaun bagi Lesen Pekerja Asing terutama bagi Lesen Mansuh yang selaras dengan Bab 112(2) Perintah Pekerjaan 2009 mengenai menggaji pekerja asing tanpa lesen daripada Pesuruhjaya Buruh.</li> </ul>

SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 / 2021 DIBAWAH KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI				
	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
<b>JABATAN PENJARA</b>				
10	MOU Penempatan Kerja dan Kursus dengan Penjara Singapura	Pelakuan Organisasi	Memantapkan transformasi dan hal ehwal pengurusan dari segi keselamatan dan pemulihan melalui perkongsian latihan dan penempatan kerja dua hala dalam bidang kepenjaraan.	-
<b>JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN</b>				
11	Penambahbaikan Perkhidmatan Kaunter Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan	Struktur Organisasi	Menambahbaik perkhidmatan kaunter - kaunter di Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, sama ada perkhidmatan operator / Penyambut Tetamu dan Pembayaran	i) Penubuhan Jawatankuasa; ii) Mengenalpasti perkhidmatan kaunter - kaunter dan cadangan penambahbaikan dari segi perkhidmatan dan kemudahan; iii) Menselaraskan dengan standard minima perkhidmatan kaunter Jabatan Perkhidmatan Pengurusan.
12	Anugerah Pekerja Terbaik 2021	Pelakuan Organisasi	Matlamat utama anugerah ini ialah untuk memberikan penghargaan dan pengiktirafan kepada warga Jabatan ini yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang. Disamping itu juga, ianya dihasrat untuk mewujudkan dan mananai budaya kerja cemerlang dalam jabatan ini.	Anugerah ini akan diadakan setiap tahun bermula pada tahun 2021. Anugerah ini terbahagi kepada empat (4) kategori mengikut Bahagian (division) iaitu Bahagian II (B2), Bahagian III, Bahagian IV & V, Bahagian Open Vote dan Gaji Hari. Penerima Anugerah ini nanti boleh dijadikan sebagai contoh dan tauladan ( <i>role model</i> ) kepada pegawai atau kakitangan yang lain.
13	Meningkatkan Kepatuhan ( <i>compliance</i> ) dalam Pengurusan Hasil Jabatan	Struktur Organisasi	Penambahbaikan dan meningkatkan lagi pengurusan ke atas kutipan hasil Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan (JBBSB) yang memenuhi kepatuhan ( <i>compliance</i> ) PPK 1983 antaranya dengan mewujudkan sistem kawalan dalaman (pemantauan) yang lebih kerap dan teratur. Projek ini terbahagi kepada 2 iaitu: i) Meningkatkan pengetahuan kakitangan di kaunter pembayaran dan penghantaran wang PPK 1983 yang berkaitan dengan kutipan hasil ii) Meningkatkan pengurusan pemantauan kutipan hasil yang <i>compliance</i> PPK 1983.	Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan (JBBSB) adalah jabatan yang dipertanggungjawabkan sebagai competent authority bagi kawasan perbandaran Bandar Seri Begawan (BSB) melalui kuasa Akta Lembaga-Lembaga Bandaran Brunei Penggal 57. JBBSB juga adalah dipertanggungjawabkan untuk mengutip hasil di BSB antaranya cukai bangunan / rumah, bayaran letak kereta dan sewa-sewa petak, bangku dan gerai di bawah kawalan JBBSB. Oleh itu, pengurusan kutipan hasil yang teratur dan memenuhi Peraturan - Peraturan Kewangan (PPK1983) adalah sangat penting bagi melindungi wang kutipan hasil tersebut yang mana projek ini adalah salah satu usaha jabatan dalam memenuhi dan meningkatkan kepatuhan PPK 1983 berkenan.
<b>JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA</b>				
14	Rubbish Collection In Kuala Belait and Seria Municipal Area for three (3) years 2020 - 2023	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Menjiimatkan perbelanjaan Kerajaan;</li> <li>● Memberi peluang kepada syarikat - syarikat tempatan untuk meningkatkan ekonomi;</li> <li>● Meningkatkan perkhidmatan pengutipan sampah yang sebelum ini dikendalikan oleh Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria;</li> <li>● Memastikan keadaan Bandaran Kuala Belait dan Seria sentiasa terjaga dari segala pencemaran;</li> <li>● Bagi memastikan pembuangan sampah dari rumah ke rumah dilaksanakan secara teratur dan mengikut jadual.</li> </ul>	Projek penswastaan pengutipan sampah domestik telahpun ditawarkan kepada syarikat - syarikat melalui media rasmi kerajaan Pelita Brunei. Projek ini melibatkan kawasan Perbandaran Kuala Belait dan Keseluruhan Bandaran Seria. Jumlah rumah, bangunan yang terlibat berjumlah 744 buah iaitu Kuala Belait 215 buah dan Seria 529 buah.

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 / 2021**  
**DIBAWAH KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
15	Perkhidmatan Pembayaran Cukai Melalui Online Banking / Bank Mobile Apps	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempelbagaikan kaedah pembayaran disamping kaedah - kaedah konvensional yang sedia ada;</li> <li>• Membantu dalam meningkatkan kutipan hasil cukai bangunan dan rumah;</li> <li>• Membantu mengurangkan tunggakan cukai bangunan dan rumah;</li> <li>• Memudahkan cara pembayaran bagi pembayar cukai bangunan dan rumah yang tinggal di luar Daerah tanpa terhad pada waktu kaunter pembayaran dan tempat membayar;</li> <li>• Memperkesankan perkhidmatan kerajaan kepada pembayar cukai bangunan dan rumah.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjelaskan cukai rumah &amp; bangunan melalui perkhidmatan perbankan atas talian 'online banking' dan aplikasi perbankan telefon pintar 'mobile banking apps' sebagai pilihan alternatif kepada pembayaran tunai, melalui cek dan kad kredit di kaunter pembayaran;</li> <li>• Memudahkan cara pembayar cukai membuat bayaran pada bila - bila masa (24/7) dan di mana - mana sahaja.</li> </ul>
16	Perkhidmatan Notis Peringatan Cukai Melalui Sistem SMS	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebagai peringatan kepada pemilik - pemilik hartaanah yang masih belum menjelaskan cukai bangunan;</li> <li>• Mempelbagaikan kaedah penyampaian peringatan selain melalui persuratan, perhubungan telefon, fax dan e-mel.</li> </ul>	SMS dihantar kepada pemilik - pemilik hartaanah yang masih belum menjelaskan tuntutan cukai samada tunggakan tahun kebelakangan mahupun tahunan semasa sebagai peringatan setiap bulan.
<b>JABATAN BANDARAN DAERAH TUTONG</b>				
17	Zon Bersih	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuka minda dan seterusnya mewujudkan kesedaran masyarakat tentang pentingnya kebersihan dan keindahan dalam kehidupan masyarakat;</li> <li>• Memberi pendekatan pelaksanaan program secara bersepadu dengan kerjasama semua agensi kerajaan dan swasta, persatuan - persatuan bukan kerajaan (NGO's) dan masyarakat termasuk belia dan individu;</li> <li>• Menjadikan Pekan Tutong sebagai ikonik sebuah pekan yang mengutamakan keindahan dan kebersihan.</li> </ul>	Zon Bersih adalah merupakan salah satu program inisiatif dalam menyokong hasrat kerajaan ke arah memastikan Negara Brunei Darussalam sentiasa dalam keadaan bersih, indah, selamat dan bebas daripada sampah sarap.
18	Minggu Kreatif dan Inovasi Tutong 2020	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memangkin Program Perkembangan Sosio - Ekonomi kawasan perbandaran Tutong;</li> <li>• Pemangkin bagi menggerakkan program - program kreatif dan inovasi melalui penglibatan senegara atau Whole of Nation Approach;</li> <li>• Wadah ke arah membudayakan masyarakat yang kreatif dan berinovasi serta mampu menyumbang kepada kemajuan negara;</li> <li>• Mendedahkan kreativiti masyarakat khususnya belia - belia sebagai inisiatif bagi menggerakkan agenda kemajuan dalam sektor - sektor yang berkaitan seperti pelancongan, sosial dan kemasyarakatan, kesenian serta kebudayaan melalui pendekatan Whole of Nation Approach;</li> <li>• Menceriakan suasana kawasan perbandaran Tutong (Pekan Tutong).</li> </ul>	Minggu Kreatif dan Inovasi Tutong 2020 yang bertemakan 'Membudayakan Masyarakat yang Kreatif' itu dikendalikan bersama oleh Jabatan Bandaran Tutong, Jabatan Daerah Tutong dan Badan Kemajuan dan Kreatif Daerah Tutong (BKKT) dengan kerjasama agensi - agensi kerajaan, badan - badan bukan kerajaan, swasta dan ahli - ahli sukarelawan di Daerah Tutong.  Beberapa aktiviti dan program telah pun disusun sepanjang Minggu Kreatif dan Inovasi Tutong 2020, antaraanya ialah aktiviti melukis dan mewarna mural di kawasan Zon Bersih Pekan Tutong, Program Konservasi dan Inovasi Budaya Etnik Daerah Tutong, Program Kebeliaan 3K Majlis Perundingan Kampung Daerah Tutong, dan Acara Tutongku Ceria.

SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 / 2021 DIBAWAH KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI				
	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
<b>PUSAT PENGURUSAN BENCANA KERAJAAN (NDMC)</b>				
19	Program Latihan Youth Preparedness and Response Team (YPRT): Disaster Preparedness Coordinator Siri 2 (DPC-2)	Struktur Organisasi	<p>Program Latihan DPC2 bertujuan bagi mengiktirafkan para belia dan pemimpin belia dari mukim dan kampung serta badan-badan organisasi berkenaan yang boleh membantu NDMC dan Jabatan Daerah selaku Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah serta agensi-agensi berkepentingan selaku rakan strategik NDMC dalam melaksanakan apa jua aktiviti berkaitan pengadaptasian perubahan iklim dan pengurangan risiko bencana termasuk kesiapsiagaan dan tindak balas seperti tugas-tugas menangani kejadian bencana melalui kerjasama Penghulu-Penghulu Mukim, Ketua-Ketua Kampung dan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di negara ini</p>	<p>Program latihan DPC2 adalah kesinambungan kepada Program Forum dan Bengkel Peranan Belia dalam Pengadaptasian Perubahan Iklim dan Pengurangan Risiko Bencana (CCA dan ORR) yang telah diadakan pada 18 hingga 19 November 2020 yang mana telah melibatkan para belia di kalangan Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan badan - badan organisasi berkenaan.</p>